

KRISIS AIR DI SELANGOR

Kedai makan henti operasi sementara waktu



Antara deretan kedai makan yang ditutup semalam.

BANTING - Gangguan bekalan air di Daerah Kuala Langat turut mengakibatkan beberapa pengusaha kedai makan mengambil keputusan menghentikan operasi buat sementara waktu.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kawasan menunjukkan kebanyakan kedai makan ditutup dan jika ada yang buka sekalipun pihak restoran memperuntukkan air mineral untuk digunakan bagi tujuan memasak atau membuat minuman.

Seorang pengunjung, John Thomas, 61, dari Taman Aman, memaklumkan dia terkejut apabila melihat deretan kedai makan di Pekan Banting ditutup semalam.

"Saya nak beli makanan untuk sarapan pagi sebab kat rumah kan tiada air, terkejut pula te-

ngok kedai semua tutup.

"Saya harap gangguan bekalan air ni pulih segera dan tak memberi impak kepada kami lagi," katanya.

Bagi seorang pengusaha kedai makan di Kelanang yang dikenali sebagai Siti, dia terpaksa menutup kedainya disebabkan masalah itu.

Katanya, dia boleh berniaga tetapi bila memikirkan terpaksa membasuh cawan dan pinggan dia membatalkan niatnya itu.

"Kalau nak pakai pinggan atau cawan kertas pula takut kos yang tinggi, tak berbaloi pula rasanya.

"Tak mengapalah kalau tutup sehari dan harap sangat esok dapat berniaga semula," katanya.

Lega lihat lori tangki air

BANTING - Penduduk Taman Budiman, Kuala Langat lega sebaik saja melihat lori tangki air tiba di kawasan perumahan mereka semalam.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati walaupun gangguan bekalan air berlaku sejak kelmarin, lori tangki air masih aktif menghantar bekalan air di kawasan-kawasan tertentu.

Kakitangan swasta, Amira Mohd, 23, berkata, dia terpaksa bercuti selepas simpanan air di tangki rumahnya habis.

Katanya, dia tidak sangka gangguan kali ini berterusan.

"Bila bangun pagi adik bagi tahu tak ada air dah...dia pula awal-awal lagi dah tunggu lori tangki nak tadah air...sebab dia nak ke se-

kolah," katanya.

Suri rumah, Marlia Joned, 58, berkata, simpanan airnya sudah kehabisan berikutan anak, menantu dan cucu pulang ke rumahnya kelmarin.

"Bila nampak lori tangki sampai kat taman perumahan ni, makcik lega sangat...sebab makcik boleh tadah air.

"Makcik tengok jiran-jiran pun macam berpesta ambil air kat lori...situasi macam ni bukan selalu kita tengok, tapi harap sangat keadaan kembali seperti biasa," katanya.

Dalam pada itu, masih terdapat penduduk di kawasan lain tidak mendapat bekalan air disebabkan mereka tidak memaklumkan atau membuat aduan kepada pihak berkenaan.



Sebahagian penduduk di Taman Budiman ketika mendapatkan bekalan air sejurus lori tangki air tiba di kawasan perumahan mereka.

'Susahnya hanya ALLAH yang tahu'

Gangu rutin harian, penduduk mahu masalah terputus bekalan air diatasi segera

KUALA LANGAT - Pasangan suami isteri yang mengusahakan perkhidmatan membasuh karpet di Taman Setia Jaya, Banting terpaksa menghentikan perkhidmatan buat sementara waktu disebabkan gangguan air yang berlaku sejak kelmarin.

Seman Jantan, 68, berkata, masalah itu benar-benar mengganggu rutin harian mereka selain terpaksa menunggu bekalan air daripada lori tangki.

Seman berkata, sebelum ini dia menjalankan perkhidmatan membasuh karpet dengan menggunakan simpanan air yang disimpannya semasa gangguan bekalan air sebelum ini.

"Tapi pagi ini (semalam) saya bagi tahu isteri kena berhenti basuh karpet pelanggan sementara waktu.

"Kita kena jimat air yang ada...Insya-ALLAH pelanggan faham sebab masalah ni melibatkan sebahagian besar peng-



Seman dan isterinya, Rahmah menyusun baldi dan tong air di hadapan rumahnya sementara menunggu lori tangki tiba.

guna air di Kuala Langat," katanya.

Sementara itu, isterinya, Rahmah Sharif, 66, pula mem-

beritahu, dia kini tinggal bersama anak dan cucu-cucunya berumur dalam lingkungan dua hingga 12 tahun.



Haslina meletakkan sebanyak mungkin baldi untuk mendapatkan bekalan air.

"Tahu sajalah bila ada budak-budak, mana nak uruskan mereka...nak masak lagi. Bila tiada air, susahnyanya

ALLAH yang tahu," katanya.

Jiran pasangan itu, Haslina Daud, 53, berkata, dia bercadang untuk mencari air mi-

neral di Pekan Banting disebabkan kebanyakan air di kedai yang berhampiran telah pun kehabisan stok.

Katanya, dia berharap aktiviti pengusaha kilang-kilang harau yang melakukan aktiviti pencemaran ini dihentikan.

"Hari ini banyak urusan tak boleh nak buat, sebab tak ada air.

"Penduduk kat sini pun selalu sembang-sembang pasal masalah ni, tak sangka pula berlaku lagi lebih dari dua kali bulan ni," katanya.

Seorang suri rumah, Linda Daud, 50, berkata, dia yang menjaga seorang anak orang kurang upaya (OKU) berumur 16 tahun mengakui berdepan dengan kesulitan berikutan masalah ketiadaan air.

"Nak uruskan anak OKU bukan senang nak mandikan atau lau badan dia...Akak harap masalah air ni segera atasi dan tak membebankan penduduk Kuala Langat," katanya.

Limpahan air sebabkan bau busuk

KELANA JAYA – Hampir seminggu masalah kebcoran paip dan menyebabkan air melimpah ke jalan raya serta bau busuk namun masih belum tiada tindakan daripada pihak terbabit.

Aduan yang diterima *Sinar Harian* mengatakan keadaan yang berlaku di persimpangan lampu isyarat berhampiran sebuah universiti dan Balai Polis Kelana Jaya itu telah berlanjutan hampir seminggu.

Menurut pihak Air Selangor, mereka memang ada menerima beberapa aduan berkaitan hal tersebut dan siasatan mereka mendapati air limpahan tersebut berpunca daripada saluran perpaipan pihak Indah Water Konsortium (IWK) selain ujian klorin juga negatif.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati keadaan limpahan masih belum dibaik pulih dan limpahan hingga ke jalan raya. Keadaan sekitar agak kotor kerana percikan limpahan air tersebut akibat kenderaan yang lalu lalang.

Sementara itu, Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi IWK, Shahrul Nizam Sulaiman ketika dihubungi mengesahkan terdapat laporan berkaitan kebcoran paip tersebut dan kerja-kerja baik pulih sedang dilakukan oleh pasukan operasi IWK.



Kebocoran paip yang belum dibaik pulih dan menyebabkan kawasan sekitar kotor dan berbau busuk sewaktu tinjauan *Sinar Harian*.

Saya cabar Azmin: Noh

Kemukakan bukti BN sabotaj air

■ NOOR AZURA SAHRIL

KUALA LUMPUR – Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dicabar mengemukakan bukti berhubung dakwanya bahawa pencemaran Sungai Semenyih sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih ditutup kerana disabotaj BN.

Pengerusi BN Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, sekiranya benar dakwaan itu, Azmin diminta menyerahkan bukti kepada polis dan pihak berkuasa untuk disiasat.

“Sekiranya beliau mempunyai bukti, apa lagi tunggu. Serahkan kepada pihak berkuasa untuk siasat.”

“Kita (BN) mahu menang bukan dengan cara kotor dan menyusahkan rakyat. Kalau benar ada bukti kukuh berlaku sabotaj, saya cabar beliau buat laporan polis,” katanya di lobi Parlimen, semalam.

Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga menyamakan pemerintahan kerajaan negeri di bawah Azmin seperti lagu ‘Bangau Oh Bangau’ kerana si-

kap menuding jari terhadap permasalahan yang berlaku.

“Saya ketawa mendengar dakwaan tidak berasas ini. Ini sememangnya budaya pihak pembangkang yang meletakkan kesalahan dan menuding jari kepada orang lain,” katanya.

Menurut Noh lagi, beliau tidak menolak kemungkinan masalah yang berlaku itu kerana permainan politik kerajaan negeri tetapi menyalahkan pihak lain.

Namun beliau menegaskan, BN tidak akan mengambil tindakan undang-undang kerana mahu terikut-ikut dengan sikap kebudak-budakan pembangkang.

Kelmarin, Azmin dilaporkan menyalahkan BN dengan mendakwa pencemaran di Sungai Semenyih disebabkan sabotaj BN dan Umno.

Ahli Parlimen Gombak itu juga mendakwa mempunyai ‘bukti kukuh’ berhubung dakwaannya itu.

Kelmarin, Kumpulan Air Selangor berkata, empat daerah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang sedang mengalami gangguan bekalan air sementara susulan penutup-

an LRA Sungai Semenyih.

Sementara itu, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) telah membuat laporan polis mengenai pencemaran air di loji rawatan air Sungai Semenyih, di mana kerajaan negeri percaya ia satu tindakan sabotaj.

Azmin Ali berkata, individu di belakang pencemaran sungai itu harus dibawa ke muka pengadilan.

“Luas sudah buat laporan polis semalam (kelmarin). Jadi biarlah polis siasat. Kita mahu pelaku pencemaran ini dibawa ke muka pengadilan,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Azmin, bagaimanapun, tidak mengulas lanjut sama ada individu yang dikaikan itu dengan BN atau Umno, selepas beliau menuduh parti pemerintah persekutuan penglibatan dalam sabotaj semalam.

Dalam pada itu, Azmin menafikan bahawa Kerajaan Negeri pernah bertindak menyenaraihitamkan syarikat yang menyokong BN.

Mengulas dakwaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan, Azmin menjelaskan



NOH

polisi kerajaan negeri adalah telus.

“Beliau perlu mengemukakan bukti. Polisi kami adalah sangat telus.”

“Ia tidak salah untuk menggalakkan dan menyokong masyarakat sivil. Mereka juga adalah sebahagian daripada sistem untuk menggalakkan demokrasi,” katanya.

Ujarnya lagi, berkaitan penamatan kontrak Alam Flora ia bukan disebabkan pro Umno atau pihak lain.

“Penamatan kontrak bukan kerana Alam Flora ada kaitan pro Umno atau pihak lain,” katanya.

Labohan Dagang sebagai sumber air mentah baharu

KUALA LANGAT – Kerajaan Selangor melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) mengenal pasti kolam bekas lombong yang dikenali sebagai MC 8 dan MC 9 di Labohan Dagang sebagai sumber air mentah baharu untuk negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pihaknya memperuntukkan RM400 juta untuk pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang yang dijangka siap pada 2018.

Menurutnya, terdahulu, pembangunan LRA Semenyih 2 melibatkan kos RM400 juta dilancarkan pada Ogos lalu dan dijangka siap penghujung tahun depan dan dua loji baharu itu adalah sebahagian matlamat penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor.

“Bagi memastikan sumber bekalan air terawat mencukupi untuk rakyat di Selangor,



Mohamed Azmin mendengar penerangan daripada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Nor Azmie Diron (kiri) sambil diperhatikan oleh Pengarah Projek Putera Perunding Zaaba, Dr Mohamad Abd Ghani (dua, kiri).

Putrajaya dan Kuala Lumpur, kita ambil langkah drastik dengan memperuntukkan pembiayaan sebanyak RM778 juta melalui Belanjawan 2016 bagi melaksanakan pembangunan sumber air baru.

“Ia merupakan satu lang-

kah penyelesaian segera bagi meningkatkan ketersediaan sumber bekalan air di Selangor sementara menunggu LRA Langat 2 siap pada 2019,” katanya pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan LRA Labohan Dagang, di sini,

kelmarin.

Mohamed Azmin berkata, pembangunan loji rawatan air di Labohan Dagang akan menghasilkan 400 juta liter (JLH) bekalan air sehari dan merupakan usaha kedua selepas pembangunan LRA

Semenyih 2 yang akan menghasilkan 100 JLH apabila siap kelak.

“Kita sasarkan pembinaan LRA ini akan ambil masa 18 bulan. Pembinaan fasa pertama akan menghasilkan 200 JLH dan akan ditingkatkan kepada 400 JLH di bawah fasa dua beserta fasiliti rawatan enap cemar (sludge) dan kuarters.”

“Menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air sehingga 15 peratus sebagai inisiatif perancangan permintaan air jangka masa panjang,” katanya.

Mohamed Azmin turut memaklumkan rizab bekalan air pada ketika ini berada pada tahap amat tipis, iaitu pada kadar empat peratus, manakala kawasan Kuala Langat dan Sepang semakin terhad berbanding peningkatan permintaan penggunaan yang disasarkan

pada kadar 3.5 peratus setiap tahun.

Bagaimanapun, katanya, usaha pembinaan LRA Labohan Dagang sangat signifikan bagi memastikan bekalan air mentah dan air terawat mencukupi untuk menampung permintaan, baik dari segi kualiti dan kuantiti.

“Antara manfaatnya adalah kita dapat selesaikan isu pencemaran air mentah akibat paras ammonia ketika musim kering yang dihadapi LRA Bukit Tampoi. Bekalan air dari LRA ini boleh diagihkan sehingga ke kawasan Klang.”

“Ia sekali gus dapat mengatasi masalah air di kawasan berkenaan dan LRA ini juga boleh ambil bekalan air dari LRA Sungai Semenyih ke kawasan Beranang, sebahagian kawasan Kuala Langat dan pembangunan baharu di sepanjang lebu raya Lekas,” katanya.